UUM/AA49/BH/14.12.2005/p: CU(1)

UUM menangi anugerah IPTA

BH 14/12/05 CU: 1

UNIVERSITI Utara Malaysia (UUM) memenangi anugerah institut pengajian tinggi awam (IPTA) berprestij bagi Sistem Penilaian Automasi (SAES) yang dibangunkannya untuk menguruskan markah pelajar dalam pelbagai penilaian akademik.

Sistem itu menggunakan teknologi perisian SAS Business Intelligence (SAS) meningkatkan keupayaan penilaian akademik sistem maklumat akademik dan pelajar (ASIS) sedia ada universiti tersebut, kata SAS pada satu kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, minggu lalu.

SAS berkata, peningkatan bilangan pelajar dan keadaan pengiraan markah yang rumit memerlukan satu penyelesaian pintar yang boleh memantau semua markah penilaian pada asas semasa dan melaksanakan analisis perangkaan data kerja kursus.

Anugerah IPTA itu diberikan ketika Ekspo Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) IPTA 2005 yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. UUM membolot 13 anugerah daripada 20 penyerahan penyelidikan.